

# Malaysia bantu pulih ekonomi Argentina

UM 10 DEC 2002

**K**UALA LUMPUR 9 Nov. — Berbekalkan kejayaan pengalaman sendiri, Malaysia akan menghantar sekumpulan empat pegawai ke Argentina selama lima hari mulai 11 Disember ini untuk membantu negara itu menangani krisis ekonominya yang berlanjutan sejak lebih empat tahun lalu.

Menurut Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), kejayaan Malaysia mengatasi krisis kewangan Asia pada tahun 1997 telah menarik minat dan perhatian bekas kuasa ekonomi Amerika Selatan untuk mendapatkan bantuan negara ini.

MTEN berkata, Argentina pada masa ini, sedang berusaha menggunakan pelbagai cara untuk

menyelesaikan kejatuhan ekonomi dan kewangan negara itu ekoran kemelesetan yang berterusan selama empat tahun.

“Satu kumpulan empat orang termasuk Pengerusi Pengurusan Danaharta Nasional Bhd. (Danaharta), Datuk Azman Yahya akan berada di Argentina dari 11 hingga 15 Disember ini sebagai menyahut permintaan Argentina ini,” kata MTEN dalam satu kenyataan di sini hari ini.

MTEN berkata, kumpulan itu juga disertai oleh Ketua Sekretariat MTEN, Dr. K. Govindan, Abu Hassan Alishari Yahya dari Bank Negara dan Kamarul Ariffin Mohd. Jamil dari Danaharta.

“Mereka akan berkong-

si pengalaman Malaysia dengan para pegawai kerajaan dan usahawan Argentina sepanjang lima hari berada di negara tersebut,” katanya.

Menurut MTEN, ketika lawatan tersebut, para pegawai dan usahawan Argentina akan diberi penerangan berhubung pendekatan dan strategi menyeluruh yang telah membantu Malaysia mengatasi krisis kewangan 1997.

Katanya, tumpuan khusus akan diberikan kepada peranan MTEN dan penyusunan semula hutang swasta serta langkah-langkah mengukuhkan sistem perbankan.

“Perbincangan juga meliputi strategi Malaysia untuk mengurangkan ke-

san akibat krisis berkenaan terhadap golongan miskin,” katanya.

Ketika lawatan tersebut kata MTEN, kumpulan dari Malaysia itu dijadualkan bertemu dengan Menteri Ekonomi Argentina, Roberto Lavagna selain mengadakan perbincangan dengan ahli-ahli ekonomi negara tersebut terhadap pengalaman Malaysia mengawal krisis kewangan berkenaan.

Menurutnya, kumpulan berkenaan juga akan menyampaikan dua taklimat berhubung pengalaman Malaysia.

Lawatan tersebut adalah ekoran permintaan daripada Asociacion Empresaria Argentina (AEA) yang mewakili sekumpulan usahawan berprestij negara tersebut

kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad awal tahun ini.

Dalam surat AEA kepada Dr. Mahathir, Presidennya, Oscar Vicente berkata, walaupun kes Malaysia berbeza dengan keadaan Argentina namun para pegawai negara tersebut amat berminat untuk mengetahui bagaimana Malaysia menyelesaikan masalah kewangan dan perbankannya.

Menurut Vicente, Argentina amat terkejut dengan kemampuan Malaysia pulih daripada krisis kewangan itu setelah menempuh semua halangan.

Katanya, pemindahan pengetahuan antara Malaysia dan Argentina akan mengukuhkan kerjasama di antara kedua-dua negara.